

Rangsang Kebijaksanaan Anak PADA SETIAP PERINGKAT USIA

MELIHAT KELETAH ANAK BERUSIA SATU SEHINGGA ENAM TAHUN TENTUNYA MENCUT HATI SESIAPA SAHAJA YANG MELIHATNYA.

Ada sahaja perkara baru ingin mereka lakukan, maka tidak mustahil anak kecil itu sentiasa terlihat 'sibuk' dengan pelbagai aktiviti di sepanjang hari.

Walaupun kelakuan mereka mungkin sesekali disertai dengan kelakuan merajuk-merajuk 'manja', ibu bapa perlu sabar melayani setiap kerenah permata hati itu.

Berikan kebebasan buat anak kecil mu terus meneroka dan meluahkan rasa, kelakuan ini penting dalam memenuhi tuntutan fizikal dan emosi anak bagi mengetahui, mencuba dan merasa apa sahaja di persekitarannya.

Justeru, Perunding Pediatrik, Dr. Raja Juanita Raja Lope menggalakkan ibu bapa memberi sokongan dan rangsangan mental dan fizikal di setiap peringkat tumbesaran si kecil.

"Mental kanak-kanak berkembang secara berperingkat. Malah mereka mencapai kecerdasan atau menjadi lebih bijak apabila mereka semakin membesar.

"Terdapat empat tahap berbeza yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada ibu bapa untuk memantau si manja. Tahap pertama adalah ingin tahu (dari satu sehingga dua tahun), meneroka (dari dua sehingga empat tahun), kreatif (dari empat sehingga enam tahun), dan belajar (dari enam tahun dan ke atas).

"Apabila ibu bapa ambil tahu empat kitaran perkembangan ini, sokongan dan didikan boleh diberi mengikut keperluan usia. Selain daripada memantau tahap pencapaian perkembangan si manja, ibu bapa juga boleh memberi nutrisi khas agar tumbesaran dan perkembangan anak dapat dirangsang secara optimum," kata Juanita.

DUTCH LADY LENGKAP BUAT SI MANJA

Menyokong kata pakar ini, Pakar Pemakanan Korporat Dutch Lady Malaysia, Loo Mei Fong pula menambah, Dutch Lady Nutri PlanTM dengan 5X DHA adalah rumusan lengkap menyokong perkembangan minda si kecil melalui pemakanan.

"Setiap pelan pemakanan lengkap berkhasiat dapat menanganai jurang nutrisi seperti mana yang telah dinyatakan oleh kaji selidik South East Asian Nutrition Survey (SEANUTS) - terutamanya dalam pengambilan Vitamin D; serta keperluan nutrisi mengikut cadangan keperluan pengambilan (RNI) Kementerian Kesihatan.

"Disebabkan Dutch Lady Nutri PlanTM dengan 5X DHA* juga dirumuskan secara istimewa, pemberian susu ini kepada anak membolehkan ibu bapa membantu menyokong empat tahap perkembangan anak.

"Sesuai untuk anak kecil berusia satu sehingga dua tahun yang banyak menggunakan penglihatan, mata si kecil perlu dilindungi dengan khasiat Inositol, Taurina dan vitamin A.

"Bagi memenuhi kehendak anak berusia dua sehingga empat tahun yang suka meneroka tanpa batasan, nutrisi seperti selenium dan zink yang terdapat dalam susu ini dapat menguatkan sistem imunisasi tubuh permata hati.

"Manakala anak kecil berusia empat sehingga enam tahun yang berada diambang perkembangan kreatif, nutrisi seperti tyrosine, choline, dan vitamin D amat diperlukan untuk menyokong daya imaginasi mereka.

"Begitu juga sekiranya anak anda sedang menjangkau usia enam tahun ke atas. Pemberian nutrisi Magnesium dapat membantu menyokong daya ingatan dan kemahiran bertikir bagi pembelajaran yang lebih berkesan," terangkannya.

HIDUP BAHAGIA BERSAMA ANAK



Terus memberikan yang terbaik buat permata hati, ibu bapa perlu hidupkan persekitaran bahagia sepanjang membesarkan anak tercinta. Terapkan nilai murni agar anak menjadi insan berakhlak terpuji.

1 Elakkan perlakuan kasar atau bertangkar di hadapan anak kerana mereka boleh meniru perbuatan negatif ini.



2 Ibu bapa perlu mengakui anak adalah unik. Walaupun sememangnya wujud perbezaan tertentu misalnya, kadar perkembangan mental dan fizikal di antara jantina anak selalunya tidak sama, terimalah perkara secara positif. Teruskan memberi dorongan agar anak lebih yakin.



3 Elakkan sikap pilih kasih antara anak-anak agar mereka tidak rasa terpinggir dan tidak puas hati.

